



40 anggota Wataniah tamat Kursus KADAR

Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan anggota sukarelawan askar Wataniah yang bernaung di bawah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah Kem Forever 1st Taman Gelora berjaya menamatkan kursus Asas Darat Pegawai Tak Tauliah Rendah (KADAR) Siri 1/2013.

Kursus ini merupakan satu kursus kerjaya dalam menjadi Penolong Ketua Seksyen yang efisien untuk membentuk sebuah organisasi platoon tempur.

Majlis penutup kursus dirasmikan oleh Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, YM Lt Kol Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al-Hajj Ibnu Sultan Sir Abu Bakar bertempat di Dataran Canseleri, UMP Gambang pada 15 Februari 2013 yang lalu.

Menurut Lt Kol Tengku Dato' Sri Kamarulzaman, kursus yang bermula 19 Januari hingga 17 Februari itu berjaya melatih anggota dalam aspek kepimpinan untuk menjadi Penolong Ketua Seksyen yang buat julung kalinya dikendalikan oleh pihak battalion yang lazimnya dikendalikan oleh markas Rejimen.

"Anggota dapat mendalami kemahiran kawad kaki, senjata dan tongkat serta pengendalian senjata, ilmu taktik peringkat seksyen serta ilmu medan perang semasa berada di fasa medan. Kursus KADAR ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah dan nilai kepimpinan di kalangan pelajar," katanya.

Beliau mengharapkan semua anggota dapat menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai ini seterusnya menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang masih tiada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Majlis yang sama turut menyaksikan pemakaian pangkat tauliah semula kepada LTM Mazlan Mohamad yang merupakan staf UMP yang berkhidmat di Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

Sementara itu, Anugerah Kawad Terbaik keseluruhan dirangkul pelajar Mohd Taufiq Mohd Tajuddin. Bagi anugerah Akademik Terbaik dimenangi oleh Siti Fatimah Tooeman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Anugerah Penuntut Keseluruhan terbaik dimenangi oleh Mohd Hibatul Hakimi

Mohd Daud yang merupakan pelajar Fakulti Teknologi (FT).

Menurut Mohd Hibatul Hakimi, 22, beliau amat bersyukur dengan anugerah ini dan tidak menyangka terpilih kerana kehebatan rakan lain juga tidak boleh dipertikaikan.

Katanya, aktiviti yang disertai dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian di kampus terutamanya bagi memupuk semangat keperwiraan, setiakawan dan kerjasama dalam pasukan.

Manakala bagi Siti Fatimah, 23 pula berkata, minatnya yang mendalam dalam badan beruniform ini bermula sejak di bangku sekolah lagi malah, baginya sungguhpun bergelar wanita ianya tidak menghalang baginya meminati bidang yang majoritinya dimonopoli lelaki," katanya.

Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor UMP, Kapten Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Komander Rejimen 505 Askar Wataniah, Lt Kolonel Haji Ahmad Bakri A. Majid, Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Pahang, Mejar Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Mejar Profesor Dato' Dr. Rosli Abu Bakar dan pengurusan tertinggi UMP.